KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PPP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **30 MAC 2026**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH
BeritaHarian

HARI: ISNIN
TARIKH: 30/3/2026
M/SURAT: 8

# Harga barang basah naik di pasar awam, kedai runcit

**Kuala Lumpur:** Barang basah seperti sayur-sayuran mengalami kenaikan harga di beberapa tempat seperti pasar awam dan kedai runcit kecil.

Perkembangan itu dimaklumkan Majlis Penasihat Pengguna Negara (MPPN) berdasarkan maklum balas pengguna yang diperoleh melalui rakan strategiknya, Persekutuan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA).

Presiden MPPN, Mohd Khair Ngadiron, berkata pasar raya besar masih mengekalkan harga yang relatif stabil.



*Mohd Khair Ngadiron*

"Barang di bawah kawalan harga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) tidak mengalami kenaikan harga.

"Ini menunjukkan wujud tekanan harga pada peringkat tertentu yang memerlukan pemantauan berterusan," katanya kepada *BH*, semalam.

Laporan sebelum ini menyebut, harga barang asas dijangka meningkat dengan kenaikan harga bahan api susulan krisis di Asia Barat.

Mohd Khair berkata, MPPN tidak membuat unjuran khusus mengenai barang yang diramal mengalami kenaikan harga, namun menjangka tekanan sedemikian bersifat bersasar dan tidak menyeluruh.

"Sebarang pergerakan harga pada masa ini dipengaruhi faktor kos semasa termasuk logistik, bekalan dan perkembangan harga komoditi global.

"Antara kategori yang berpotensi terkesan, termasuk sayuran dan bahan basah, barang makanan yang bergantung kepada bekalan semasa, selain produk yang sensitif kepada kos pengangkutan dan rantaian bekalan," katanya.

## Saran tanam sayur

Sementara itu, di **Georgetown**, Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menyarankan rakyat Malaysia mula menanam sayur-sayuran, susulan kenaikan harga.

Pegawai Pendidikan CAP, NV Subbarow, berkata penanam sayur di Cameron Highlands sudah memberi amaran harga boleh melonjak sehingga 50 peratus berikutan peningkatan kos pengeluaran.

Katanya, harga sayur dikatakan boleh meningkat sehingga 50 peratus dalam jangka pendek sebelum menurun sekitar 30 peratus kepada paras semasa.

"Penanam sayur mengadu kepada CAP, harga baja dan kos pengangkutan membebankan mereka, manakala pekerja di ladang menuntut gaji lebih tinggi kerana kebanyakannya warga asing," katanya dalam kenyataan, semalam.

Bagi mengurangkan beban kenaikan harga, katanya, CAP menggesa pengguna Malaysia menanam sendiri pelbagai jenis sayur-sayuran dan tumbuhan herba.

"Tanam di atas tanah secara semula jadi dan amalkan kaedah kompos dengan mengguna sisa dapur sendiri bagi mendapatkan baja sihat.

"Tanam di rumah boleh menjimatkan kos dan penanaman sayur-sayuran hijau yang boleh dimakan tidak memerlukan ruang besar.

"Bendi, terung, cili, sawi, kangkung, kailan, bayam, pudina, pegaga, kesum dan selom boleh ditanam dengan mudah walaupun di balkoni.

"Di kebun bandar pertanian semula jadi CAP, kami menanam lebih 20 jenis tanaman dan kini menuai labu air dengan berat setiap satu antara tujuh hingga 10 kilogram," katanya.



*Barang basah seperti sayur-sayuran dilaporkan mengalami kenaikan harga di beberapa pasar awam.* (Foto hiasan)

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia
PEMIKIRAN BAHARU

HARI: ISNIN
TARIKH: 30/3/2026
M/SURAT: 5

# Op Tiris: RM32.1 juta petrol, diesel dirampas sejak 2024

**KUBANG PASU:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) merekodkan rampasan petrol dan diesel bernilai RM32.1 juta yang cuba diseleweng.

Ia menerusi pelaksanaan Op Tiris 3.0 bermula 1 Januari 2024 sehingga kelmarin.

Timbalan Ketua Pengarah Penguat Kuasa (Operasi) KPDN, Shamsul Nizam Khalil berkata, dalam tempoh itu, sebanyak 38,615 pemeriksaan dilakukan dan pihaknya berjaya mengesan 1,371 kes dengan tangkapan seramai 667 individu.

"Kami berjaya merampas petrol dan diesel bernilai RM32.1 juta dengan jumlah keseluruhan rampasan RM146 juta membabitkan lori, 'skid tank', tangki IBC, pam hos dan lain-lain," katanya pada sidang akhbar di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam, di sini semalam

Sementara itu, katanya, tindakan tegas akan dikenakan terhadap mana-mana pihak yang dikesan menyalahgunakan kad subsidi diesel atau *fleet card* bagi mengaut keuntungan haram termasuk menyeludup bahan api itu ke Thailand.

Katanya, operasi bersepadu akan dipertingkat bagi membanteras aktiviti ketirisan iaitu penyeludupan dan penyelewengan bahan api terutama di pintu sempadan negara.

Ujar beliau, KPDN juga bersedia dengan kemungkinan peningkatan cubaan menyeludup petrol dan diesel ke negara jiran disebabkan isu bekalan bahan api berikutan konflik Asia Barat.

"Kami akan mempertingkat operasi bersepadu bersama agensi lain bagi membanteras sebarang aktiviti ketirisan.

"Kawalan di semua pintu sempadan negara akan diperketatkan dengan melaksanakan pemeriksaan terhadap kenderaan yang keluar, stesen minyak, stesen minyak tanpa subsidi serta pemborong," ujarnya.



**SHAMSUL Nizam Khalil (dua kanan) melakukan pemeriksaan ke atas sebuah kenderaan berpendaftaran Thailand di Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam, Kubang Pasu, Kedah, semalam.**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# Perketat kawalan sempadan elak diesel subsidi tiris ke Siam



**SHAMSUL NIZAM (kanan) melakukan pemeriksaan ke atas sebuah kenderaan Thailand di Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam semalam.**

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

**BUKIT KAYU HITAM** – Tindakan tegas akan dikenakan terhadap mana-mana pihak yang dikesan menyalahgunakan kad subsidi diesel atau 'fleet card' bagi mengaut keuntungan haram, termasuk menyeludup bahan api itu ke Thailand.

Timbalan Ketua Pengarah Penguat Kuasa (Operasi) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Shamsul Nizam Khalil berkata, pihaknya juga akan membuat kawalan ketat di semua pintu sempadan negara selain melaksanakan pemeriksaan terhadap kenderaan yang keluar bagi mengelak sebarang ketirisan.

"Kita akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang didapati menyalahgunakan Program Budi Madani RON95 (Budi95) mahupun 'fleet card' ini.

"Operasi bersepadu akan dipertingkatkan bagi membanteras aktiviti ketirisan iaitu penyeludupan dan penyelewengan bahan api terutama di pintu sempadan negara," katanya pada sidang akhbar di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam, di sini semalam.

*Kosmo!* sebelum ini melaporkan, sindiket dikesan semakin licik menyeleweng dan menyeludup bahan api bersubsidi di sempadan negara berikutan masalah bekalan minyak di Thailand termasuk menyalahgunakan 'fleet card' milik beberapa syarikat bagi menjalankan kegiatan itu.

Menurut Shamsul Nizam, pihaknya bersedia dengan kemungkinan berlaku peningkatan cubaan menyeludup petrol dan diesel ke negara jiran susulan isu bekalan bahan api ekoran konflik di Asia Barat.

"Kita akan mempertingkatkan operasi bersepadu bersama agensi lain bagi membanteras sebarang aktiviti ketirisan, penyeludupan dan penyelewengan petrol serta diesel.

"Kawalan di semua pintu sempadan negara akan diperketatkan dengan melaksanakan pemeriksaan terhadap kenderaan yang keluar," ujarnya.

Jelasnya, risikan, pemeriksaan dan pemantauan secara intensif turut dilaksanakan di stesen minyak.

"Kita ingin memberikan amaran keras kepada mana-mana individu mahupun sindiket supaya tidak mengambil kesempatan dalam situasi konflik global ketika ini. Perbuatan menyeleweng subsidi negara adalah satu bentuk pengkhianatan kepada tanah air," katanya.

Sementara itu, dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata, KPDN merekodkan rampasan petrol dan diesel bernilai RM32.1 juta yang cuba diseleweng menerusi Ops Tiris 3.0 bermula 1 Januari 2024 hingga kelmarin.

Menurut Shamsul Nizam, dalam tempoh tersebut, sebanyak 38,615 pemeriksaan dilakukan dan pihaknya berjaya mengesan 1,371 kes dengan tangkapan seramai 667 individu.

"Kita berjaya merampas petrol dan diesel bernilai RM32.1 juta dengan jumlah keseluruhan rampasan RM146 juta membabitkan lori, 'skid tank', tangki IBC, pam hos dan lain-lain," tambahnya.

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI
HARI: ISNIN
TARIKH: 30/3/2026
M/SURAT: 6

# Subsidi bahan api stabilkan harga barang

- **Kerajaan lindungi rakyat walaupun harga minyak dunia melonjak**
- **Laksana melalui kawalan petrol dan diesel bersubsidi**

**Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI**

**PETALING JAYA** – Kerajaan akan terus melindungi rakyat dan memastikan kestabilan harga barangan meskipun berlaku lonjakan harga minyak global susulan konflik di Asia Barat.

Menerusi satu kenyataan di laman Facebook, Kementerian Kewangan (MOF) berkata, langkah itu akan dilaksanakan melalui Sistem Kawalan Petrol Bersubsidi (SKPS) dan Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS).

Jelas MOF, sistem kawalan itu melibatkan subsidi bahan api bagi sektor pengangkutan darat dan air awam serta pengangkutan barangan tertentu.

"Langkah ini membantu agar kos pengangkutan terkawal dan harga barangan kekal stabil.

"Kerajaan akan terus memantau perkembangan global dan mengambil pendekatan berhemah demi melindungi kesejahteraan rakyat," kata MOF semalam.

Menerusi hantaran itu juga, MOF turut berkongsi infografik yang menunjukkan harga runcit petrol bersubsidi di bawah SKPS bagi sektor pengangkutan darat dan air awam serta pengangkutan darat barangan dikekalkan pada RM2.05 seliter.

Sementara itu, bagi SKDS, harga runcit diesel bersubsidi bagi sektor pengangkutan darat awam kekal pada RM1.88 seliter, manakala bagi sektor pengangkutan darat barangan dikekalkan pada RM2.15 seliter.

Kerajaan sebelum ini mengekalkan harga RON95 bersubsidi pada tahap RM1.99 seliter, meskipun harga minyak dunia meningkat ketara dan minyak mentah global kini melebihi AS$100 (RM401) setong susulan konflik Asia Barat.

Bermula 26 Mac hingga 1 April, harga runcit RON97 diselaraskan kepada RM5.15 seliter berbanding RM4.55 sebelum ini, manakala harga runcit diesel di Semenanjung ditetapkan pada RM5.52 seliter.

Selain pengekalan Budi95, harga RON95 tanpa subsidi diselaraskan pada kadar RM3.87 seliter, serta harga diesel di Sabah, Sarawak serta Labuan pada kadar RM2.15 seliter. Harga diesel juga dikekalkan pada nilai RM2.15 seliter untuk pengangkutan awam.




**SISTEM kawalan petrol dan diesel bersubsidi membantu menstabilkan kenaikan harga barang.** – GAMBAR FAIL

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: ISNIN
TARIKH: 30/3/2026
M/SURAT: 5

# Subsidi petrol, diesel kekal melalui SKPS, SKDS

**KUALA LUMPUR** - Kerajaan akan terus melindungi rakyat serta memastikan kestabilan harga barangan walaupun harga minyak global meningkat ketika ini susulan konflik di Asia Barat.

Kementerian Kewangan (MoF) menerusi hantaran di Facebook memaklumkan usaha tersebut dibuat melalui Sistem Kawalan Petrol Bersubsidi (SKPS) dan Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) iaitu subsidi bahan api bagi sektor pengangkutan darat dan air awam serta pengangkutan barangan tertentu.

"Langkah ini membantu agar kos pengangkutan terkawal dan harga barangan kekal stabil.

"Kerajaan akan terus memantau perkembangan global dan mengambil pendekatan berhemah demi melindungi kesejahteraan rakyat," menurut kementerian itu.

Dalam hantaran itu, MoF turut berkongsi infografik yang menunjukkan harga runcit petrol bersubsidi di bawah SKPS bagi sektor pengangkutan darat dan air awam serta pengangkutan darat barangan dikekalkan pada RM2.05 seliter.

Bagi SKDS pula, harga runcit diesel bersubsidi bagi sektor pengangkutan darat awam kekal pada RM1.88 seliter manakala bagi sektor pengangkutan darat barangan dikekalkan pada RM2.15 seliter. - *Bernama*

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: ISNIN
TARIKH: 30/3/2026
M/SURAT: 22

# Rampasan petrol, diesel lebih RM32 juta

**BUKIT KAYU HITAM -** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) membanteras ketirisan, penyelewengan dan penyeludupan petrol serta diesel sejak awal 2024 dengan jumlah rampasan melebihi RM32 juta sehingga 27 Mac.

Timbalan Ketua Pengarah Penguat Kuasa (Operasi) KPDN, Shamsul Nizam Khalil berkata, sebanyak 38,615 pemeriksaan telah dijalankan melalui Ops Tiris 3.0 yang bermula 1 Januari 2024.

Menurutnya, operasi membabitkan 1,371 kes dengan tangkapan sebanyak 667 individu.

"Jumlah rampasan bagi pelbagai barang kawalan termasuk petrol dan diesel dalam tempoh itu adalah RM32,086,839.88, dengan nilai keseluruhan rampasan sepanjang tempoh operasi mencapai RM146,015,771," katanya pada Ahad.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam di sini.

Jelas Shamsul Nizam, operasi tersebut dilaksanakan secara kolaborasi strategik bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

Dalam perkembangan sama tegasnya, KPDN turut memberikan amaran tegas terhadap mana-mana pihak agar tidak menyalahgunakan kad subsidi diesel.



**Shamsul Nizam (kiri) semasa membuat tinjauan di ICQS Bukit Kayu Hitam pada Ahad.**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

NEW STRAITS TIMES

HARI: ISNIN
TARIKH: 30/3/2026
M/SURAT: 3

RISING GLOBAL OIL PRICES

# Govt keeps fuel subsidies to cushion impact

**KUALA LUMPUR:** The government has reaffirmed its commitment to safeguarding the people and ensuring the stability of commodity prices despite rising global oil prices following the Middle East conflict.

In a Facebook post yesterday, the Finance Ministry said the government is continuing its efforts through the Subsidised Petrol Control System (SKPS) and the Subsidised Diesel Control System (SKDS), which provide targeted fuel subsidies for the land and water public transport sectors, as well as for the transportation of selected goods.

"These measures help keep transportation costs under control and ensure that commodity prices remain stable," it said.

According to the infographic shared, the retail price of subsidised petrol under SKPS for public transport and goods transportation has been maintained at RM2.05 per litre.

Meanwhile, under SKDS, the subsidised diesel price for the land transport sector remains at RM1.88 per litre, while diesel for goods transportation continues to be capped at RM2.15 per litre.

The ministry added that the government would continue to monitor global developments and adopt a prudent approach to protect the people's well-being. **Bernama**



*The Finance Ministry says the government will continue to provide targeted fuel subsidies for the land and water public transport sectors, as well as for the transportation of selected goods.* NSTP PIC BY NUR LIYANA MOHD NOORZALLY

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

theSun TELLING IT AS IT IS

HARI: ISNIN

TARIKH: 30/3/2026

M/SURAT: 3

BY **FAIZ RUZMAN**
*newsdesk@thesundaily.com*

# Heat, diesel costs leave Kedah paddy unharvested

**Up to 30% of crops not reaped as high temperatures, rising fuel costs hit yields, raising food security concerns**

**PETALING JAYA:** Nearly a third of Kedah's paddy crops remain unharvested as scorching heat and rising diesel prices make farming increasingly difficult, raising concerns over Malaysia's low rice self-sufficiency level of just 56%, warned the Malaysian Paddy Farmers Brotherhood Organisation.

Its chairman Abdul Rashid Ayob said prolonged extreme temperatures have disrupted harvesting cycles and damaged yields, particularly in northern districts such as Kota Setar and Pendang, where temperatures have reached 41°C to 42°C in recent weeks.

"Right now, harvesting is still ongoing, but about 20% to 30% of the crops have not yet been harvested.

"For paddy, it becomes too dry. When it is too dry, the yield drops and the grain becomes lighter. It is not just paddy, other crops are affected too because extreme heat stunts growth."

Rashid said the situation is particularly severe in areas where even 36°C to 37°C is already considered excessively hot for crop development.

"The prolonged heat has started to affect crop cycles, slowing growth and reducing quality," he added.

Compounding the situation, diesel price increases have raised costs for mechanised farming operations such as ploughing, harvesting and transporting paddy.

"Everything uses diesel – tractors, lorries, machinery. That is what is making things very difficult for us. Production cost for one hectare is about RM700. If the increase is only RM50, the gap is very big."

He said farmers have absorbed rising costs over several planting seasons, but government support remains limited and slow.

"We are not rejecting government policies. What we are asking for is a proper solution and a suitable alternative that can be implemented quickly.

"Other sectors have received specific support, but for paddy farmers there is still no focused mechanism. We are also among the biggest contributors to the country's food supply."

The organisation hopes the government will deliver more targeted aid for farmers rather than relying on broad agricultural measures that fail to reflect the sector's critical role in national food security.

Rashid warned the situation could worsen if major rice-exporting countries also face climate-related disruptions or global uncertainties, tightening supply while Malaysia remains dependent on imports for a significant share of its rice.

"Malaysia's rice self-sufficiency ratio is now only around 56%. Our dependence on imported rice is already high. If farmers start pulling back because they cannot absorb the costs, that is what we fear," he said.

Meanwhile, the Malaysian Muslim Restaurant Owners Association (Presma) declined to comment when asked whether the slowdown in agricultural production had driven up food prices, citing an upcoming meeting with the Domestic Trade and Cost of Living Ministry this week.

Presma had previously warned that *mamak* operators were facing cost increases of 10% to 30% for certain goods due to supply chain disruptions, rising logistics expenses and prolonged global uncertainty, including the ongoing conflict in Iran.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: ISNIN
TARIKH: 30/3/2026
M/SURAT: 1

# Barring foreign debit and credit cards at kiosks

KUALA LUMPUR: The use of foreign credit and debit cards to purchase RON95 petrol nationwide will reportedly be restricted in stages starting Wednesday.

According to Berita Harian, Ministry of Domestic Trade and Cost of Living Enforcement Director-General Datuk Azman Adam said the move is to ensure subsidies are limited to eligible Malaysians and prevent misuse, including by foreign-registered vehicles.

"This is one of the new mechanisms to control the purchase and sale of RON95 petrol at all petrol stations in the country.

"Previously, there were many cases of vehicles with foreign registration plates refuelling using foreign debit or credit cards at self-service pumps, making it difficult for operators and authorities to detect such purchases," he was quoted as saying.

He reportedly said foreign card users will instead be required to pay at the counter, allowing better monitoring and enforcement.

Azman said the measure also helps stations with many pumps detect leakages and ensure ineligible users cannot access subsidised fuel.

He reportedly added that some oil companies are ready to implement the system, while others will do so in stages.

The government has reaffirmed its commitment to safeguarding the people and ensuring the stability of commodity prices despite rising global oil prices following the conflict in West Asia.

In a Facebook post, the Ministry of Finance (MOF) said the government is continuing its efforts through the Subsidised Petrol Control System (SKPS) and the Subsidised Diesel Control System (SKDS), which provide targeted fuel subsidies for the land and water public transport sectors, as well as for the transportation of selected goods.

See Page 2, Col. 1

# RM32m petrol, diesel seized

From Page One

"These measures help keep transportation costs under control and ensure that commodity prices remain stable," the ministry said.

According to the infographic shared, the retail price of subsidised petrol under SKPS for public transport and goods transportation has been maintained at RM2.05 per litre.

Under SKDS, the subsidised diesel price for the land transport sector remains at RM1.88 per litre, while diesel for goods transportation continues to be capped at RM2.15 per litre.

The ministry added that the government will continue to closely monitor global developments and adopt a prudent approach to protect the well-being of the rakyat.

Meanwhile, the Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) seized petrol and diesel worth more than RM32 million and arrested 667 people under the Ops Tiris 3.0 conducted nationwide from January 1, 2024 to March 27 this year.

KPDN deputy director-general of enforcement (operations) Shamsul Nizam Khalil said that during the period, 38,615 inspections were carried out and 1,371 cases were recorded.

"KPDN will continue to intensify integrated operations to curb any leakage, smuggling and misappropriation of petrol and diesel.

"This effort is strengthened through strategic collaboration with other enforcement agencies, including the Royal Malaysia Police, Malaysian Border Control and Protection Agency, Road Transport Department, Immigration Department and the Royal Malaysian Customs Department," he said.

He said inter-agency cooperation would enable the authorities to further tighten controls at all national entry and exit points to prevent the smuggling of these commodities.

He added that intelligence gathering, inspections and intensive monitoring are also being carried out at petrol stations and in identified hotspots.

He warned individuals and syndicates not to take advantage of the current conflict in West Asia.

"KPDN will ensure the stability of supply of controlled goods, namely petrol and diesel, in the market despite geopolitical uncertainties arising from the escalating conflict in West Asia.

"KPDN has formulated aggressive strategies to address any potential disruptions to global fuel supplies that could impact the national economy," he said. – Bernama

Sabah Publishing House

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: ISNIN
TARIKH: 30/3/2026
M/SURAT: 6

# Measures to ensure sufficient fuel supply

THE Federal Government, through the Domestic Trade and Cost of Living Ministry, is continuously taking proactive measures to ensure fuel supply in Sabah remains sufficient and stable.

Chief Minister Datuk Seri Hajiji Noor said the issue of fuel supplies, particularly petrol and diesel, was key during a meeting with Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali at Menara Kinabalu in Kota Kinabalu on Mar 24.

He said the meeting focused on fuel supplies in Sabah amid concerns over potential stock-outs that could affect consumers and the continuity of the State's economic sectors.

Hajiji emphasised the importance of a consistent fuel supply to support economic activities, including the logistics, fisheries and agriculture sectors which rely heavily on diesel.

At the meeting, Armizan said Sabah's petrol, diesel and LPG supply is stable and urged the public not to panic buy.

He said close monitoring and ongoing coordination with relevant agencies will be strengthened to prevent any supply disruptions.

He also debriefed Hajiji earlier on the outcomes of the Special Committee on Coordination to Combat Leakage and Smuggling among Enforcement Agencies, which has been activated to strengthen enforcement efforts against fuel smuggling and misappropriation, particularly in border areas.

"The risk of leakage is increasing due to geopolitical tensions in West Asia and the significant price gap between subsidised fuel prices in Malaysia and market and retail prices in neighbouring countries," he said.

Armizan also addressed several rumours regarding alleged fuel shortages at some petrol stations in Sabah recently.

"To date, there is no shortage of petrol, diesel or LPG supply in the country. Current supply is sufficient, and Malaysia's situation is more stable compared to several other countries, including those in the region," he said.

Armizan said issues that were brought to light were isolated logistical problems that caused delivery delays of a few hours in certain locations, particularly during festive periods when demand increases.

"These issues have been resolved and continuous monitoring is being carried out to ensure smooth supply distribution. As such, the public is advised not to engage in panic buying as current supply is guaranteed," he said.

Earlier, Hajiji also received a courtesy visit from the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) Chairman Tan Sri Mohd Salim Fateh Din.

Mohd Salim briefed him on the progress of the National Digital Network Plan (Jendela) implementation in Sabah and the City Hall (DBKK) Smart City initiative.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BY **FAIZ RUZMAN**
*newsdesk@thesundaily.com*

# Heat, diesel costs leave Kedah paddy unharvested

Up to 30% of crops not reaped as high temperatures, rising fuel costs hit yields, raising food security concerns

**PETALING JAYA:** Nearly a third of Kedah's paddy crops remain unharvested as scorching heat and rising diesel prices make farming increasingly difficult, raising concerns over Malaysia's low rice self-sufficiency level of just 56%, warned the Malaysian Paddy Farmers Brotherhood Organisation.

Its chairman Abdul Rashid Ayob said prolonged extreme temperatures have disrupted harvesting cycles and damaged yields, particularly in northern districts such as Kota Setar and Pendang, where temperatures have reached 41°C to 42°C in recent weeks.

"Right now, harvesting is still ongoing, but about 20% to 30% of the crops have not yet been harvested.

"For paddy, it becomes too dry. When it is too dry, the yield drops and the grain becomes lighter. It is not just paddy, other crops are affected too because extreme heat stunts growth."

Rashid said the situation is particularly severe in areas where even 36°C to 37°C is already considered excessively hot for crop development.

"The prolonged heat has started to affect crop cycles, slowing growth and reducing quality," he added.

Compounding the situation, diesel price increases have raised costs for mechanised farming operations such as ploughing, harvesting and transporting paddy.

